

Majukan bahasa kebangsaan

» TPM mahu semua pihak beri nilai tinggi, jayakan bahasa perpaduan

BH (Rabu) 15/10/14 ms4
(National)

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Rakyat perlu bersama-sama menjayakan Dasar Bahasa Kebangsaan bagi memastikan hasrat kerajaan menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan mampu dicapai, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri turut meminta semua pihak memberi nilai tinggi kepada bahasa kebangsaan dalam usaha bersepadu untuk memartabat dan memajukan bahasa serta persuratan kebangsaan.

Jadi bahasa perpaduan

"Tahun demi tahun saya perhatikan nilai bahasa kebangsaan berbeza-beza pada golongan tertentu sehingga hasrat untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan belum benar-benar berjaya.

"Saya menyeru semua warganegara tanpa mengira keturunan memberi nilai dan penekanan tinggi kepada penggunaan bahasa kebangsaan serta bersama-sama bertekad memajukannya.

"Dalam pada itu, kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan pelbagai persatuan serta institusi perlu dipertingkatkan supaya bahasa kebangsaan benar-benar menjadi milik sepunya seluruh warganegara," katanya pada Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan Pe-



Muhyiddin melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kebangsaan 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di Putrajaya. (FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH)

ringkat Kebangsaan 2014, di sini semalam.

Muhyiddin berkata, bahasa kebangsaan tidak wajar dikorbankan menjadi bahasa pasar atau bahasa perhubungan seharian walaupun diakui perlunya penggunaan bahasa untuk perhubungan biasa dalam kehidupan bermasyarakat.

Katanya, media juga memainkan peranan penting dalam menyemai mesej berkesan kepada masyarakat mengenai penggunaan bahasa kebangsaan.

"Media berperanan memupuk budaya berbahasa yang santun, selaras dengan adab dan budi bahasa kita, selain menjadi wakil masyarakat melalui penggunaan bahasa yang bermutu dan teratur.

"Cabaran media baharu yang sebahagiannya cenderung untuk bebas daripada norma adab, akhlak atau bentuk bahasa yang tidak terka-

wal akan menjejaskan usaha kita untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang mewakili ilmu dan pemikiran," katanya.

Muhyiddin juga berkata, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Institut Alam dan Tamadun (ATMA) serta DBP sudah mula menjalankan audit penggunaan bahasa Melayu di enam IPTA bagi melihat kesan Pelan Memperkasakan Bahasa Kebangsaan di IPT yang dilancarkan tiga tahun lalu.

Semua IPTA akan diaudit

"Selepas ini, semua IPTA akan diaudit bagi memastikan sama ada bahasa kebangsaan diperkasakan seperti digariskan dalam pelan berkenaan.

"Antaranya, peratus penggunaan bahasa kebangsaan sebagai pengantar kuliah dan penghasilan karya ilmiah dalam bahasa kebangsaan dija-

dikan sebagai salah satu asas pengiktirafan untuk kemajuan kerjaya tenaga akademik.

"Program ini akan diperluaskan ke IPTS bagi memastikan ia tidak mengetepikan bahasa kebangsaan dalam proses pembelajaran dan pengajaran," katanya.

Muhyiddin turut menggesa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk sama-sama menyumbang ke arah pemerksaan bahasa kebangsaan sektor ekonomi melalui jenama atau label produk yang dipasarkan pada peringkat antarabangsa.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) juga perlu lebih bersungguh-sungguh dalam menguatkuasakan citra bahasa di tempat awam menerusi Undang-undang Kecil Pengiklanan yang menggariskan keutamaan bahasa kebangsaan pada iklan, nama perniagaan, tempat, bangunan dan paparan awam lain.